

PEMETAAN TABURAN LEKSIKAL DIALEK MUAR: SATU KAJIAN RINTIS

*(MAPPING THE LEXICAL DISTRIBUTION OF THE MUAR DIALECT: A PRELIMINARY
STUDY)*

Julaina Nopiah

julainanopiah@iium.edu.my

Shazriena IzlinAzhar

shazrienaizlin98@gmail.com

Nurul Jamilah Rosly

nuruljamilah@iium.edu.my

Kulliyyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Pagoh, Johor, Malaysia

Received: 21st December 2022; Accepted: 10th April 2023; Published: 19th April 2023

Abstract

Dialect is one of the language variations spoken by the community in a certain area to interact with each other. Although the use of dialects in a state does exist, the diversity of sub-dialects is still visible in the eyes of most people. The city of Muar, which is located in the state of Johor, is one of the regions that thrives on the existence of various sub-dialects. With the help of the Geographic Information System (GIS) application, this study focuses on identifying the spread of lexical variants of the Malay dialects found in Lenga, Bukit Kepong and Gombang and further describes the spread factors. This study fully uses the field research method involving a total of six study informants and 60 study respondents. The findings of this study show as many as six lexicals with different variant usage while there are nine lexicals that have the same dialect of use in Lenga, Gombang and Bukit Kepong. In addition, this study also shows that there are three factors that spread the variant between these three areas, among them demarcation, landform and space (spatial) and migration. As a result, the implementation of this study proves that the variety of variants in the three areas located in the Muar district brings uniqueness and becomes a heritage and a symbol of pride of the local community. Because the current study serves as a preliminary research on the Muar dialect mapping, the analysis of this study is done at the level of descriptive explanation. Researchers also did not focus on specific lexicons in lexical distribution mapping. Therefore, further studies are suggested to focus on specific lexicons to show the speech variants of the local dialect. Subsequent studies are also recommended not only

145

to focus on lexical distribution mapping but also to present the lexical distribution through the Isogloss Map used.

Keywords: *dialect mapping, Muar, geolinguistics, Malay, Geographical Information System*

Abstrak

Dialek merupakan salah satu variasi bahasa yang diujarkan oleh komuniti masyarakat di sebahagian kawasan tertentu untuk berinteraksi antara satu sama lain. Walaupun penggunaan dialek di sesebuah negeri itu sememangnya wujud, namun kepelbagaian subdialeknya masih lagi rencam pada kaca mata masyarakat kebanyakan. Bandar Muar yang terletak di negeri Johor merupakan salah satu daerah yang rencam dengan kewujudan pelbagai subdialek. Kajian ini memfokuskan kepada pengenalanpastian penyebaran varian leksikal dialek Melayu yang terdapat di Lenga, Bukit Kepong dan Gombang dan menghuraikan faktor sebarannya. Kajian ini sepenuhnya menggunakan kaedah kajian lapangan dengan melibatkan seramai enam orang informan kajian dan 60 orang responden kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan sebanyak enam leksikal yang berbeza penggunaan varian, manakala terdapat sembilan leksikal yang mempunyai persamaan dialek penggunaannya di Lenga, Gombang dan Bukit Kepong. Di samping itu, kajian ini turut memperlihatkan bahawa terdapat tiga faktor penyebaran varian di antara ketiga-tiga kawasan ini, antaranya persempadanan, bentuk muka bumi dan ruang (*spatial*) serta migrasi. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kewujudan pelbagai varian di ketiga-tiga kawasan yang terletak dalam daerah Muar ini membawa kepada keunikan dan menjadi warisan serta lambang kebanggaan masyarakat setempat. Oleh kerana kajian ini boleh dikatakan kajian rintis untuk kajian pemetaan dialek Muar, penganalisan kajian ini dilakukan pada peringkat huraian deskriptif sahaja. Pengkaji juga tidak memfokuskan leksikal tertentu dalam pemetaan taburan leksikal. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk melihat kepada leksikal secara khusus bagi menunjukkan varian pertuturan dialek masyarakat tempatan. Kajian lanjutan juga dicadangkan tidak hanya menumpukan terhadap taburan leksikal sahaja tetapi sebaliknya turut mempersembahkan sebaran leksikal melalui Peta Isoglos yang digunakan.

Kata Kunci: pemetaan dialek, Muar, geolinguistik, Melayu, Sistem Maklumat Geografi

Pengenalan

Dialek merupakan salah satu variasi bahasa yang digunakan oleh kelompok masyarakat di kawasan tertentu untuk menjalankan proses komunikasi harian. Menurut Ismail Hussein (1973), subdialek pula merupakan variasi yang wujud dalam sesuatu dialek dan fenomena ini berlaku rentetan perbezaan pertuturan antara penutur yang tinggal secara menetap di kawasan atau daerah yang berbeza-beza. Ketidakteraturan dialek di kawasan tersebut wujud, namun kadar

kefahaman terhadap loghat tersebut adalah dapat difahami oleh masyarakat. Melalui persempadanan yang telah dilakukan oleh Asmah Omar dalam *Susur Galur Melayu* (2015), dialek Johor tergolong dalam kelompok di bahagian selatan Semenanjung Malaysia. Sebutan yang terkandung dalam dialek Johor adalah tidak begitu ketara jurang perbezaannya jika hendak dibandingkan dengan bahasa Melayu standard. Hal ini demikian kerana masyarakat umum mempunyai andaian bahawa dialek Johor adalah bertunjangkan bahasa Melayu standard. Darjah kepelbagaian dialek Johor dikatakan paling kurang mendapat perhatian berbanding dialek-dialek di negeri lain.

Bagi menelusuri sejarah awal daerah Muar, terdapat beberapa kelompok masyarakat Melayu yang mendiami kawasan-kawasan kampung di sepanjang Sungai Muar sebelum pertengahan abad ke-19. Daerah Muar ini dikenali sebagai “Teluk Dalam” dan berasal daripada perkataan “muara” yang bermaksud muara sungai. Menurut Malik Munip (1972), daerah Muar ini berasal daripada perkataan Hindu, iaitu “Muna” dan “Ar” yang bermaksud “Tiga” dan “Sungai” yang menggambarkan kewujudan Sungai Muar. Menurut sejarah Muar pada zaman dahulu, nama-nama kampung yang dikenali sebagai “Zaman Puntong Berasap” telah dinamakan bersempena dengan nama teluk (Nur Hidayah Abd Rahman, 2021). Sebagai contoh, Teluk Cermin Sembilan kini dikenali sebagai Bukit Kepong, manakala Teluk Perhentian pula dikenali sebagai Gombang. Oleh itu, dialek Muar memperlihatkan sebuah variasi bahasa yang dikatakan dipengaruhi oleh bahasa orang sungai. Oleh hal yang demikian, keunikan dialek daerah Muar ini dipercayai terbentuk daripada perbezaan leksikal yang digunakan serta mempunyai lengkok dan langgamnya yang tersendiri.

Rentetan daripada itu, penyebaran dialek Muar di negeri Johor sememangnya mencakupi kawasan yang luas. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya satu keperluan dalam pelaksanaan terhadap kajian dialek tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan berpandukan dua objektif utama, iaitu mengenal pasti penyebaran varian leksikal dialek Melayu menerusi persisiran sungai Muar di antara Sungai Lenga, Sungai Gombang dan Sungai Bukit Kepong dan menghuraikan faktor sebarannya.

Pernyataan Masalah

Mutakhir ini, penyelidikan yang bertunjangkan kajian geolinguistik atau dialektologi semakin giat dijalankan oleh para pengkaji. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan subdialek daerah di Johor masih kurang mendapat perhatian para pengkaji tempatan. Pernyataan ini disokong oleh Collins (1999) yang menyatakan kepelbagaian varian bagi dialek Johor masih belum ditelusuri dengan sebaiknya. Hal ini demikian kerana masyarakat umum mempunyai andaian bahawa dialek Johor adalah bertunjangkan bahasa Melayu standard (Nur Hidayah Abd Rahman, 2021). Keadaan ini secara tidak langsung menjadi titik tolak kepada pengkaji dalam meneliti penyebaran dialek yang wujud menerusi pemetaan leksikal di Muar, Johor. Dengan adanya penyelidikan sebegini, kajian ini dapat menjadi pemangkin terhadap proses pembaharuan teknik pemetaan dialek di samping menghasilkan sistem pemetaan yang lebih tepat.

Dalam pada itu, sesebuah kawasan dengan kawasan lain sememangnya mempunyai perbezaan dan persamaan dari segi penggunaan dialeknya (Zalina Mohd Zalzali, 2003). Hal ini

demikian kerana varian linguistik ditemui wujud dalam mukim dan daerah yang sama. Kajian ini memfokuskan subdialek di daerah Muar yang melibatkan kawasan Lenga, Gombang dan Bukit Kepong bagi membuktikan kewujudan varian linguistik tersebut. Sejak negara Malaysia mencapai kemerdekaan, penyelidikan mengenai perbezaan dialek di daerah yang berlainan sudah diterbitkan, namun kajian mengenai perbezaan dialek dalam daerah yang sama perlu dititikberatkan dan diterokai oleh para pengkaji tempatan. Senario ini menunjukkan bahawa kajian ini menjadi satu keperluan yang sewajarnya diambil cakna oleh pengkaji dalam memperlihatkan varian linguistik yang wujud di daerah Muar.

Di samping itu, pengkaji mendapati bahawa kajian berasaskan subdialek Muar agak terhad. Hal ini demikian kerana kajian mengenai variasi leksikal dialek Melayu di Lenga, Gombang dan Bukit Kepong ini masih kurang dijalankan oleh pengkaji lain. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2020), keadaan ini mungkin berlaku kerana pengkaji lain beranggapan bahawa negeri Johor ini menggunakan dialek yang standard ketika berkomunikasi antara satu sama lain. Justeru, senario ini sedikit sebanyak telah menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian mengenai subdialek Muar di kawasan-kawasan tersebut. Menyedari hakikat ini, kajian mengenai subdialek yang menggunakan perisian GIS ini adalah rasional untuk dikaji secara lebih terperinci bagi mengisi kelompangan kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Kajian Literatur

Beberapa *kajian* tentang *dialek-dialek* Melayu telah dilakukan oleh beberapa penyelidik lepas, antaranya Adi Yasran Abd. Aziz (2011), Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018), Khairul Ashraaf Saari et.al (2019), *Fazal* Mohamed Mohamed Sultan dan *Amir* Imran *Jamil* (2019) serta Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2020). Kajian yang dilakukan oleh Adi Yasran Abd. Aziz (2011), Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) serta Khairul Ashraaf Saari et al. (2019) didapati memfokuskan kajian dialek negeri Johor, manakala kajian yang dilakukan oleh *Fazal* Mohamed Mohamed *Sultan* dan *Amir* Imran *Jamil* (2019) serta Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2020) pula menumpukan kepada pengkajian dialek negeri lain dengan mengaplikasi GIS dalam penelitiannya.

Melalui kajian yang bertajuk *Perbandingan Aspek Fonologi Dialek Muar dan Melaka Berdasarkan Teori Transformasi Generatif*, Adi Yasran Abd. Aziz (2011) telah memberikan penekanan kepada aspek perbezaan aspek fonologi antara dialek Muar dengan dialek Melaka berdasarkan Teori Transformasi Generatif. Bagi memastikan kajian ini berjaya dijalankan, pengkaji telah menjalankan kajian lapangan dengan menemubual beberapa orang responden di sekitar Muar dan Melaka untuk mendapatkan data yang sahih. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga aspek yang berjaya dikenal pasti, iaitu penambahan rumus, pengguguran rumus dan perbezaan atur rumus. Bagi penambahan rumus, terdapat dua lagi aspek yang dikenal pasti, iaitu *peninggian vokal* dan *perendahan vokal*. Peninggian vokal merujuk kepada leksikal /a/ akan diubah menjadi /ə/ apabila berada di akhir kata. Perendahan vokal pula merujuk kepada leksikal /i/ akan berubah menjadi sebutan /e/ apabila berada di suku kata akhir tertutup yang diakhiri dengan huruf /k/.

Seterusnya, data bagi perbezaan atur rumus pula menunjukkan perbezaan antara dialek Muar dan juga dialek Melaka. Bagi dialek Muar, rumus yang dikenal pasti oleh pengkaji ialah huruf /r/ menjadi Ø / [_] ɔ. Perkara ini bermaksud / r / akan digugurkan apabila berada di akhir perkataan dan digantikan dengan huruf / ɔ /. Bagi dapatan penghilangan rumus pula, pengkaji memecahkan dapatan ini kepada dua lagi aspek seperti *pengguguran getaran* dan juga *pembentukan glotal*. Pengguguran getaran merujuk kepada rumus leksikal /r/ dalam beberapa perkataan yang berubah menjadi Ø kerana pengguguran bunyi /r/ tersebut. Sebagai contoh, /pergi/ menjadi [pegi], /pertama/ menjadi [petamə], /kerja/ menjadi [kedze] dan pelbagai lagi. Bagi aspek pembentukan glotal pula, aspek ini merujuk kepada penukaran /k/ menjadi /ʔ / di posisi akhir perkataan.

Penyelidikan yang telah dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin et. al (2020), Khairul Ashraaf Saari et al. (2019) dan Adi Yasran Abd. Aziz merupakan kajian dialektologi yang memfokuskan dialek Johor sebagai aspek penelitiannya. Dalam kajian yang bertajuk *Migrasi dan Lanskap Baharu dialek di Johor*, penyelidik telah memfokuskan terhadap pengenalanpastian bahasa dan dialek yang digunapakai di negeri Johor, kesan migrasi serta membentuk peta lanskap isoglos baharu dialek di negeri Johor berbantuan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS). Bagi merealisasikan kajian ini, para penyelidik menggunakan kaedah temu bual, soal selidik dan juga rakaman bagi menganalisis faktor perubahan sesuatu dialek berdasarkan angkuab bukan linguistik. Penyelidik juga telah mengaplikasikan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) versi ArcGIS 10.3.1 yang bertujuan untuk menghasilkan peta lanskap dialek baharu di negeri Johor menerusi kaedah *Inverse Distance Weighted* (IDW) memandangkan perisian ini mampu menentukan titik kawasan kajian secara tepat serta membentuk pemetaan dialek, khususnya peta isoglos secara saintifik.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat pengelasan data yang melibatkan migrasi antara wilayah dan tiga pengelasan dialek yang berasal daripada migrasi dalam wilayah di negeri Johor. Antara dapatan yang diperoleh ialah migrasi kemasukan Jawa ke Johor ialah seperti *kacau* ([udəʔ]), *kelapa* ([kləpɔ]), *ikan* ([iwaʔ]), *cubit* ([dʒiwet] atau [ʃfiwet]). Data bagi migrasi kemasukan Banjar ke Johor pula ialah seperti *kelapa* ([kəlapəʔ] atau [nɔʔ]), *kacau* ([haruʔ]) dan *ikan* ([ekan]). Bagi migrasi kemasukan Bugis ke Johor pula, data yang diperoleh ialah seperti *ikan* ([blukan]), *kelapa* ([kluku]), *air* ([baju] atau [ɲumbe]). Selain itu, data bagi migrasi kemasukan Minang ke Johor pula, datanya ialah seperti *lembu* ([lɔmbu]), *emak* ([ɔmaʔ]) dan *kelapa* ([kəlapɔ]). Bagi migrasi dalam wilayah ke Johor, terdapat tiga dialek yang berkaitan, iaitu dialek Melayu Kelantan dan Terengganu yang terdapat di Mersing Utara dan Melaka di wilayah Kesang, Muar. Bagi dialek Melayu Melaka, data yang diperoleh ialah seperti *ular* ([ulaw]), *pagar* ([pagaw]), *bayar* ([bajaw]) dan sebagainya. Bagi dialek Melayu Kelantan, data yang diberikan ialah seperti *ayam* ([aje]), *rambutan* ([moʔte]), *ikan* ([ike]) dan pelbagai lagi manakala data bagi dialek Melayu Terengganu ialah seperti *ayam* ([ajan]), *rambutan* ([moʔtaŋ]), *ikan* ([ikan]) dan lain-lain lagi. Secara kesimpulannya, kajian ini telah banyak memberi sumbangan pada lanskap baharu di negeri Johor.

Sementara itu, kajian yang telah dijalankan oleh Khairul Ashraaf Saari et al. (2019) yang bertajuk *Sebaran Leksikal “Ular” di Negeri Johor Berdasarkan Pengaplikasian Sistem Maklumat Geografi* pula dilihat telah memfokuskan kepada penyebaran varian leksikal “ular” di 10 daerah yang menjadi kawasan utama kajian dijalankan berpanduan kepada penggunaan

tahap kerencaman yang tinggi di kawasan kajian. Kajian yang menggabungkan bidang linguistik dan teknologi ini juga dijalankan dengan menyebarkan borang soal selidik kepada 900 orang penutur natif dari 123 buah kampung yang berbeza bagi mendapatkan data dan turut menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) berteraskan pendekatan deskriptif geolinguistik.

Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa terdapatnya tiga pengelasan dialek Melayu di negeri Johor dan lapan varian bagi mewakili leksikal kajian. Tiga pengelasan dialek Melayu tersebut ialah penggunaan subdialek Melayu Johor Bahru (*ula*), penggunaan subdialek Melayu Melaka (*ulaw*) dan juga penggunaan subdialek Melayu Muar-Batu Pahat (*ulo*). Selain itu, lapan varian “ular” yang digunakan oleh penutur natif ialah *seperti ula*, *ulaw*, *ulo*, *ula?*, *lenka*, *ular*, *tali pinggan* dan juga *galah*. Leksikal *ula?* diperoleh berdasarkan kepada varian leksikal [ula?] bagi masyarakat Bugis, manakala leksikal *lenka*, *tali pinggan* dan *galah* pula digunakan sebagai kiasan atau eufemisme kepada leksikal “ular” tersebut. Kesimpulannya, para pengkaji merumuskan bahawa terdapat dua daerah di Johor yang memiliki penggunaan varian “ular” tertinggi yang bersamaan dengan lima varian, iaitu di daerah Ledang dan Pontian.

Peredaran masa yang seiring dengan perkembangan ilmu telah menyebabkan kemunculan kajian yang mengaplikasi teknologi dalam kajian bahasa. Kewujudan kajian yang dilakukan oleh Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018), Khairul Ashraaf Saari et al. (2019), Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Amir Imran Jamil (2019) serta Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2020) yang mengaplikasi GIS dalam kajian telah memberikan nafas baharu dalam era penyelidikan dialektologi. Antaranya dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) yang bertajuk *Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System*. Kajian ini telah menunjukkan nafas baharu dalam penyelidikan dialek yang lahir ekoran perkembangan teknologi terkini. Secara umumnya, kajian ini membincangkan kewujudan kepelbagaian dialek Perak dalam kalangan golongan tua dan generasi muda. Selain itu, kajian lepas ini juga turut menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan peralihan dalam sesuatu dialek itu berlaku. Kajian ini juga menggunakan aplikasi GIS yang menggabungkan data linguistik dengan analisis ruang (spatial). Hal ini demikian kerana pengaplikasian GIS ini membantu penyelidik bagi penghasilan peta yang lebih sistematik bagi subdialek yang diujarkan di negeri tersebut. Teknik *choropleth* juga telah digunakan bagi memastikan peta tersebut mudah dibaca dan difahami oleh masyarakat lain. Secara amnya, teknik ini merupakan proses penandaan kawasan bagi mewakili setiap varian leksikal yang dijumpai di kawasan kajian.

Kajian ini turut meneliti kepelbagaian dialek yang terdapat di negeri Perak berdasarkan leksikal /air/, /bantal/ dan /saya/. Penyelidik memilih leksikal-leksikal ini dan membandingkan penggunaannya antara golongan tua dan golongan muda di kawasan Larut Matang, Selama, Hulu Perak, Kerian, Kuala Kangsar, Manjung, Kampar, Perak Tengah, Kinta, Batang Padang dan Hilir Perak. Antara varian /air/ ialah [ae], [ajaʃ], [baru], [ajo], [ʔae] dan [ajə], varian /bantal/ pula ialah [bantaj], [bata] dan [bante] manakala varian /saya/ pula ialah [saja], [kami], [ʃeʔ], [awəʔ], [sqə], [aku], [sqə], [akuʔ], [kumə], [awə/], [təman], [sqe], [aje] dan [den]. Selain itu, hasil dapatan faktor bagi penggunaan dialek ini memperlihatkan latar belakang penduduknya mempengaruhi kepelbagaian varian yang dituturkan oleh penutur dialek di Perak. Kajian mereka memperlihatkan bahawa generasi tua cenderung untuk mengekalkan varian asli dialek Perak ini

manakala golongan muda lebih selesa dalam menggunakan bahasa Melayu standard dalam pertuturan mereka. Kesimpulannya, kajian yang mengintegrasikan penggunaan GIS ini secara tidak langsung dapat memberi sumbangan kepada bidang dialektologi hasil daripada pemetaan bagi taburan leksikal /air/, /bantal/ dan /saya/ di Perak.

Dengan mengaplikasi GIS dalam penyelidikan, kajian oleh *Fazal Mohamed Mohamed Sultan* dan *Amir Imran Jamil* (2019) pula telah berjaya menghasilkan peta variasi dialek Melayu di Kedah. Melalui kajian yang bertajuk *Variasi Leksikal Dialek Melayu di Negeri Kedah: Kajian Geolinguistik*, pengkaji mendapati bahawa terdapatnya corak yang jelas tentang bagaimana perkataan “belakang” dan “kerbau” digunakan. Fenomena ini boleh dibuktikan dengan penggunaan aplikasi GIS yang bermaksud maklumat geografi atau bentuk muka bumi, misalnya sungai, paya, gunung, bukit dan hutan boleh membantu menjelaskan bagaimana bahasa Melayu boleh tersebar luas ke seluruh negeri Kedah. Keadaan ini menunjukkan perbendaharaan kata sesuatu dialek akan berkembang dengan lebih cepat sekiranya terdapat jurang ruang yang memudahkan bahasa tersebut merebak ke kawasan berhampiran. Oleh hal yang demikian, pemetaan isoglos dilakukan bagi menunjukkan perbezaan yang tepat dalam dialek Melayu yang dituturkan di Kedah.

Selain daripada penumpuan terhadap kajian dialek Utara, pendekatan GIS turut diaplikasi dalam kajian dialek di Pantai Timur. Hal ini boleh dilihat menerusi kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2021) yang bertajuk *The Continuum of Terengganu Dialect Along The East Coast Malaysia: A Geolinguistic Study*. Hasil kajian menunjukkan bahawa penyebaran dialek di Terengganu banyak dipengaruhi oleh faktor yang tidak bersifat linguistik, misalnya sejarah, keadaan sosioekonomi dan lokasi geografi. Penemuan batu berukir di negeri Terengganu pada 1303 Masihi membawa kepada status sejarah wilayah itu sebagai buaian tamadun. Pedagang China melihat laluan air itu sebagai lanjutan daripada Jalan Sutera. Selain itu, masyarakat yang menetap di Terengganu terkenal dengan kepakaran mereka dalam bidang pembinaan kapal dan pelayaran. Selain itu, tanah rata yang berhampiran dengan air memudahkan orang ramai untuk bergerak dan menyebarkan dialek ini. Penyelidikan ini membentangkan analisis geolinguistik berasaskan GIS yang menawarkan pandangan baharu tentang cara dialek Terengganu tersebar dan bagaimana kesinambungan dialek itu ditubuhkan.

Metodologi

Pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian di kawasan Lenga, Gombang dan Bukit Kepong sahaja. Kajian yang dilakukan berlandaskan kepada pendekatan dialektologi kerana pengkaji mengkaji perihal varian-varian dialek Lenga, Gombang dan Bukit Kepong. Kajian ini juga menggunakan pendekatan geolinguistik deskriptif. Pendekatan ini menjadikan kajian ini bersifat multidisiplin. Hal ini demikian kerana pendekatan geolinguistik deskriptif merupakan pendekatan kajian yang menghuraikan unsur-unsur perubahan linguistik secara saintifik berbantuan penghuraian deskriptif angkubah bukan linguistik. Penjelasan angkubah bukan linguistik seperti maklumat topografi, migrasi, sejarah dan sosiobudaya menjadi penguat hujah bagi menjelaskan penyebaran dialek di satu-satu kawasan (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2019). Di samping itu, pengkaji turut menggunakan perisian *Geographical Information System* (GIS) bagi menghuraikan aspek linguistik dan faktor geografi. Pengkaji telah menggunakan

teknik *choropleth* dalam menghasilkan sebuah peta bagi memperlihatkan taburan varian leksikal yang dikaji di kawasan-kawasan yang terlibat.

Kajian lapangan telah dilakukan bagi mendapatkan data di kawasan lapangan, iaitu data mentah atau data primer menerusi beberapa kaedah. Data mentah atau data primer diperoleh secara langsung kerana data-data ini melibatkan hubungan langsung antara pengkaji dan informan. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada dua informan dan 20 orang responden bagi setiap kawasan yang merupakan penduduk asal di sekitar Lenga, Gombang dan Bukit Kepong. Jumlah keseluruhan informan adalah seramai enam orang, manakala jumlah responden adalah sebanyak 60 orang. Pemilihan informan dalam kajian ini berdasarkan ciri-ciri umum yang biasa digunakan oleh para pengkaji dialek, iaitu lelaki dewasa yang agak berusia dan penduduk tetap di sesuatu kawasan di luar bandar. Konsep yang biasa dirujuk untuk informan jenis ini ialah NORMs, iaitu *nonmobile*, *older*, *rural* dan *males* (Trudgill, 1990). Berdasarkan kriteria di atas, maka kajian ini telah memilih informan yang berusia 45 tahun ke atas dan merupakan penduduk asal bagi setiap kawasan kajian. Sampel pertuturan diperoleh secara individu. Kajian ini hanya menggunakan soalan menamakan sesuatu kerana yang dipentingkan di sini ialah mendapatkan sebanyak mungkin leksikal dialek yang ada. Pengkaji bertanya kepada informan secara individu nama sesuatu perkara/benda atau peristiwa dalam bahasa standard dan cara mereka menyebut perkataan tersebut dalam sebutan dialek. Komponen soal selidik dalam kajian ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu maklumat latar belakang responden dan soalan uji kefahaman dialek. Bahagian A, iaitu latar belakang responden adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat sosial (umur dan jantina) dan tahap pendidikan responden. Soalan bahagian B pula lebih kepada untuk mengetahui kefahaman responden terhadap leksikal dialek yang diperolehi daripada sampel pertuturan setiap informan.

Dapatan Kajian

Bahagian ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu dapatan penyebaran varian leksikal dialek Melayu dan faktor penyebarannya menerusi persisiran sungai Muar di antara Sungai Lenga, Sungai Gombang dan Sungai Bukit Kepong.


Penyebaran Varian Leksikal Dialek Melayu Menerusi Persisiran Sungai Muar Di Antara Sungai Lenga, Sungai Gombang Dan Sungai Bukit Kepong

Penelitian terhadap data-data varian dialek ini telah menunjukkan bahawa sememangnya terdapat kewujudan leksikal yang berbeza antara kawasan Lenga, Gombang dan Bukit Kepong. Sehubungan dengan itu, leksikal-leksikal ini wajar dibincangkan berdasarkan ciri-ciri keistimewaan dan keunikannya kepada khalayak. Leksikal atau perkataan yang dipilih oleh pengkaji adalah berasaskan kepada konteks kehidupan sebenar masyarakat, khususnya penduduk kampung yang menuturkan varian dialek Lenga, Gombang dan Bukit Kepong.

Jadual 1: Data perbezaan varian leksikal di Lenga, Gombang dan Bukit Kepong

Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi Dialek Lenga	Transkripsi Dialek Gombang	Transkripsi Dialek Bukit Kepong
/beraʔ/	/bɔbɔs/	/bese/	/mɔmberɔt/
/kɔtɔr/	/belutaʔ/	/nʔɛmɔ/	/lɔkoh/
/boros/	/bunɕah/	/poʔ/	/bontʃah/
/lambat/	/kəlɛlɛt/	/mɛlenɔ/	/kɛlɛʔ/
/sunji/	/maŋu/	/sayɔp/	/maŋu/
/busɔʔ/	/tɔŋɛk/	/tɔŋɛk/	/mɛlantɔŋ/


Berdasarkan Jadual 1, penemuan leksikal ini secara tidak langsung dapat membuktikan kepada khalayak tentang kewujudan dialek Lenga, Gombang dan Bukit Kepong. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa leksikal bahasa Melayu standard yang mempunyai makna yang sama dalam dialek yang terdapat di kawasan lokasi kajian. Justeru, analisis terhadap penyebaran variasi leksikal dialek Melayu di kawasan Lenga, Gombang dan Bukit Kepong ini menghasilkan pemetaan taburan bagi leksikal-leksikal yang diujarkan dalam kalangan penutur di kawasan-kawasan terbabit, iaitu:



Peta 1: Varian leksikal /beraʔ/ dan /kɔtɔr/


Berdasarkan peta taburan di atas, leksikal /bese/, /bɔbɔs/ dan /mɔmberɔt/ membawa maksud “membuang air besar” dalam bahasa Melayu standard. Leksikal /beraʔ/ ini merupakan penyebutan bahasa Melayu standard yang digunakan oleh masyarakat kebanyakan. Penemuan terhadap leksikal /mɔmberɔt/ telah digunakan oleh masyarakat di Bukit Kepong dalam kehidupan seharian. Penyebaran varian /bese/ dijumpai di Gombang, manakala varian /bɔbɔs/ pula ditemui di Lenga. Walaupun Gombang dan Lenga terletak dalam mukim yang sama, iaitu mukim Lenga, namun sebaran penggunaan dialeknya adalah berbeza. Hal ini demikian kerana keterpisahan berasaskan jaringan sungai antara Sungai Gombang dan Sungai Lenga. Selain itu, leksikal /belutaʔ/, /nʔɛmɔ/ dan /lɔkoh/ merupakan penggunaan dialek yang membawa maksud /kɔtɔr/ dalam bahasa Melayu standard. Penemuan leksikal /belutaʔ/ ditemui wujud di sekitar kawasan Lenga, manakala masyarakat Gombang menggunakan leksikal /nʔɛmɔ/ dalam pertuturan harian. Leksikal /kɔtɔr/ dalam dialek penutur jati di Bukit Kepong pula ialah /lɔkoh/.

Perbezaan dapat dilihat dengan jelas jika varian yang mengalir menerusi ketiga-tiga sungai ini dibandingkan antara satu sama lain. Peta 2 menunjukkan varian leksikal /boros/ dan /lambat/, iaitu:



Peta 2: Varian leksikal /boros/ dan /lambat/

Berdasarkan Peta 2, terdapat tiga variasi dalam penggunaan leksikal /boros/, iaitu /bunɲah/, /bonɲah/ dan /poʔ/. Penemuan varian /poʔ/ ini ditemui wujud di sekitar kawasan Gombang. Menurut Rosidah Ahmad (2022), varian /poʔ/ ini berkait rapat dengan istilah “pokai” yang bermaksud tidak mempunyai wang. Oleh itu, varian /poʔ/ yang bermaksud /boros/ dalam bahasa Melayu standard terbentuk daripada penggunaan istilah “pokai” yang membawa maksud sudah kehabisan wang akibat boros berbelanja. Bagi varian /bunɲah/ pula digunakan oleh penutur jati di Lenga, manakala varian /bonɲah/ digunakan oleh penduduk kampung di sekitar Bukit Kepong. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat perbezaan bunyi vokal, iaitu /u/ dan /o/ antara /bunɲah/ dan /bonɲah/. Keadaan ini berlaku adalah kerana kedekatan hubungan antara varian di persisiran Sungai Lenga dan Sungai Bukit Kepong. Seterusnya, variasi bagi leksikal /lambat/ menunjukkan bahawa terdapat dialek penggunaannya di sekitar lokasi kajian. Di Lenga, varian /kələlət/ digunakan bagi menggambarkan sesuatu perkara dalam konteks yang lambat, misalnya “*Ngkape la kawan ko ni kekelet sangat ni? Dekat sejam dah aku tunggu iye!*”. Penemuan varian /mələnə/ pula dijumpai di kawasan Gombang, manakala Bukit Kepong pula menggunakan varian /kələfə/ dalam komunikasi harian. Kepelbagaian variasi leksikal /lambat/ ini secara tidak langsung telah membentuk pemetaan yang khusus kepada lingkungan persempadanan antara kawasan Lenga, Gombang dan Bukit Kepong. Peta 3 menunjukkan varian leksikal /sunji/ dan /busuk/



Peta 3: Varian Leksikal /sunji/ dan /busuk/

Berdasarkan peta taburan di atas, leksikal /maɲu/ dan /sayɔp/ membawa maksud sunyi dalam bahasa Melayu standard. Leksikal /maɲu/ ini merupakan dialek penyebutan yang digunakan oleh penutur jati di Lenga dan Bukit Kepong. Persamaan leksikal ini dipercayai terjadi rentetan daripada pembawaan dialek oleh penduduk yang tinggal di sempadan Sungai Lenga dan Sungai Bukit Kepong. Penduduk asal dari Gombang pula menggunakan leksikal /sayɔp/ bagi menjelaskan keadaan yang sunyi, misalnya “*Ape keba’atannye sayɔp je rumah ni? Takde orang ke?*”. Tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan leksikal ini masih digunakan oleh masyarakat setempat sehingga ke hari ini. Di samping itu, terdapat beberapa variasi bagi penggunaan dialek /busuk/ di sekitar persisiran antara Sungai Lenga, Sungai Gombang dan Sungai Bukit Kepong. Variasi bagi leksikal /təɲeʔ/ dijumpai di kawasan Lenga dan Gombang, manakala Bukit Kepong pula menggunakan leksikal /məlantɔŋ/ bagi menggambarkan “bau yang busuk”. Situasi ini juga menunjukkan bahawa Lenga dan Gombang menuturkan leksikal yang sama, iaitu /təɲeʔ/ bagi menjelaskan “keadaan yang busuk”. Persamaan varian ini berlaku adalah kerana Lenga dan Gombang terletak dalam satu mukim yang sama, iaitu mukim Lenga. Jadual 2 menunjukkan data persamaan varian leksikal di Lenga, Gombang dan Bukit Kepong, iaitu:

Jadual 2: Data Persamaan Varian Leksikal di Lenga, Gombang dan Bukit Kepong


Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi Dialek Lenga	Transkripsi Dialek Gombang	Transkripsi Dialek Bukit Kepong
/almari/	/goboʔ/	/goboʔ/	/goboʔ/
/səlimut/	/gəbo/	/gəbo/	/gəbo/
/pukəl/	/pəpah/	/pəpah/	/pəpah/
/menjuʷap/	/saɲap/	/saɲap/	/saɲap/
/pulas/	/piʷal/	/piʷal/	/piʷal/
/pəndeʔ/	/kətət/	/kətət/	/kətət/
/beg ketʃəʔ/	/pontʃes/	/pontʃes/	/pontʃes/
/saket pərət/	/ʃikə/	/ʃikə/	/ʃikə/

/naʝis/

/dano/


/dano/

/dano/



Peta 4: Varian leksikal /almari/, /səlimut/ dan /pukul/


Peta taburan di atas menunjukkan persamaan varian leksikal antara /goboʔ/, /gəbo/ dan /pəpah/ yang masing-masing membawa maksud /almari/, /səlimut/ dan /pukul/ dalam bahasa Melayu standard. Penyebaran leksikal ini dikatakan seragam dan berada di seluruh negeri Johor. Ketiga-tiga varian ini mempunyai persamaan dalam aspek sebutan di Lenga, Gombang dan Bukit Kepong. Taburan bagi varian ini juga meliputi kawasan subdialek seperti yang tertera dalam peta di atas. Ironinya, varian-varian ini secara tidak langsung dapat mempamerkan keunikan dialek yang terdapat di daerah Muar, Johor. Peta 5 menunjukkan varian leksikal /meŋuʔap/, /pulas/ dan /pəndeʔ/



Peta 5: Varian Leksikal /meŋuʔap/, /pulas/ dan /pəndeʔ/

Peta 5 menunjukkan variasi bagi leksikal /səŋap/ membawa maksud /meŋuʔap/, leksikal /piʔal/ bermaksud /pulas/ dan leksikal /kətət/ membawa makna /pəndeʔ/ dalam bahasa Melayu

standard. Persamaan varian ini wujud di sekitar Lenga, Gombang dan Bukit Kepong kerana adanya aliran sungai yang menjadi laluan penghubung utama masyarakat pada suatu ketika dahulu. Pengkaji-pengkaji dialek seperti Collins (1983) dan Asmah Omar (1985) menyatakan bahawa perkampungan yang terletak di persisir sungai cenderung untuk mengekalkan dialek kerana proses komunikasi sesama masyarakat setempat.



Peta 6: Varian Leksikal /beg kečəʔ/, /saket pərət/ dan /naʝis/

Di samping itu, peta taburan di atas menunjukkan varian leksikal antara /pontʃes/, /tʃikə/ dan /dano/ yang masing-masing membawa maksud /beg kečəʔ/, /saket pərət/ dan /naʝis/ dalam bahasa Melayu standard. Persamaan varian ini secara tidak langsung memperlihatkan pertembungan dialek di antara Sungai Lenga, Sungai Gombang dan Bukit Kepong. Keseragaman varian-varian ini dapat dilihat dengan jelas dalam lakaran peta di atas. Persamaan varian ini wujud berdasarkan kedudukan kampung tersebut yang dihubungkan dengan susur aliran sungai yang sama.

Faktor Penyebaran Leksikal Dialek Melayu Menerusi Persisiran Sungai Muar Di Antara Sungai Lenga, Sungai Gombang dan Sungai Bukit Kepong

Kewujudan pelbagai varian dialek Melayu di sekitar Lenga, Gombang dan Bukit Kepong ini jelas menunjukkan bahawa terdapat kerencaman subdialek yang wujud di kawasan-kawasan kajian. Masyarakat kebanyakan tidak mengetahui bahawa di sepanjang Sungai Muar dari muara hingga ke hulu, terdapat sebuah khazanah yang amat bernilai, iaitu bahasa orang sungai. Berikut merupakan faktor wujudnya pelbagai varian di sepanjang Sungai Lenga, Sungai Gombang dan Sungai Bukit Kepong, iaitu:

a) Persempadanan

Umum mengetahui bahawa Muar terletak bersempadanan dengan Melaka. Dengan adanya persempadanan ini, masyarakat Melayu Melaka berhijrah masuk ke kawasan Muar dan

seterusnya menetap di sekitar kawasan Lenga, Gombang dan Bukit Kepong. Penyebaran dialek Melayu Melaka ini adalah berasal daripada penghijrahan Sultan Mahmud dan beberapa rakyatnya yang merentasi sempadan Muar, Johor setelah kejatuhan Kota Melaka pada tahun 1511 kepada kuasa besar Portugis (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2016). Menurut Norliah Abdullah dan Jaafar Jambi (2017), pengekalannya dialek Melaka diteruskan sehingga pemerintahan Sultan Husin yang merupakan waris diraja Melayu Melaka terakhir pada abad ke-18. Menurut Hazali Mohd Amir (2022), iaitu pengaruh kemasukan masyarakat Melayu Melaka ke sempadan Muar juga merupakan suatu bentuk kegiatan ekonomi yang kebiasaannya dilakukan oleh masyarakat terdahulu bagi memastikan kelangsungan hidup. Hal ini demikian kerana masyarakat terdahulu melakukan kegiatan sosioekonomi seperti aktiviti perdagangan, perikanan dan pertanian. Hal ini demikian kerana persempadanan antara Melaka dan Muar menjadi salah satu faktor penyebaran sesuatu varian itu tersebar luas sehingga ke seluruh kampung-kampung kecil di kawasan Lenga, Gombang dan Bukit Kepong. Justeru, jarak di antara sempadan Melaka dan Muar yang rapat telah membuka ruang penghijrahan masyarakat Melaka dan seterusnya membawa dialek mereka meresap masuk ke dalam percakapan masyarakat setempat di Muar. Oleh hal yang demikian, faktor persempadanan dan sejarah tanah jajahan yang diperintah secara bergilir-gilir menjadi faktor penyumbang kepada penyebaran dialek Melayu Melaka di Muar, Johor.

b) Bentuk Muka Bumi dan Ruang (*Spatial*)

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2016), pembentukan varian leksikal dalam sesuatu dialek dipengaruhi oleh faktor geografi sesebuah kawasan. Berdasarkan analisis dan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi, faktor geografi menjadi pendorong kepada wujudnya kepelbagaian dalam pembentukan varian leksikal dalam sesebuah dialek. Dalam penelitian yang dilakukan oleh pengkaji, aliran sungai dijadikan sebagai penghubung utama kepada masyarakat sejak zaman dahulu kala. Hal ini demikian kerana sungai menjadi sumber keperluan asas kepada masyarakat tempatan untuk dijadikan sebagai minuman, melakukan aktiviti memasak dan sebagai jalan pengangkutan penduduk kampung dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain. Dengan adanya jaringan sungai ini, situasi ini secara tidak langsung memperlihatkan kepada khalayak bahawa proses komunikasi merupakan satu perkara asas dalam menyerap masuk dialek luar atau membentuk dialek yang baharu. Tidak dapat disangkal bahawa kewujudan sungai telah menjadi salah satu faktor penyumbang kepada penyebaran dialek menelusuri Sungai Lenga, Sungai Gombang dan Sungai Bukit Kepong. Pelaksanaan kajian ini juga berjaya menyingkap bahawa kampung-kampung yang berada di persisiran sungai lebih cenderung untuk mengekalkan dialek setempat. Fenomena yang berlaku ini adalah disebabkan oleh kedudukan kampung yang berada di sempadan antara tiga kawasan ini telah dihubungkan oleh satu susur sungai yang sama.

c) Migrasi

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2015), penghijrahan masyarakat luar pada abad ke-18 memperlihatkan bahawa terdapat beberapa komuniti daripada “Melayu Dagang” yang masuk ke negeri Johor. Berdasarkan pengumpulan data yang dilakukan, dialek ini wujud disebabkan oleh penghijrahan antara wilayah dan penghijrahan dalam wilayah. Keadaan ini boleh dilihat menerusi kemasukan antara wilayah oleh masyarakat Banjar, Bugis, Jawa dan Minang, manakala kemasukan dalam wilayah melibatkan masyarakat Melaka, Kelantan dan Terengganu. Oleh itu,

migrasi yang melibatkan kemasukan masyarakat sama ada antara wilayah atau dalam wilayah ke daerah Muar ini berlaku disebabkan oleh perkahwinan, peluang pekerjaan dan juga sejarah tempat terbabit. Tidak dapat dinafikan bahawa penghijrahan atau migrasi ini secara tidak langsung membentuk komuniti tersendiri. Oleh itu, komuniti yang masuk ke Lenga, Gombang dan Bukit Kepong ini membina hubungan keakraban dan menjaga ukhuwah yang baik dengan masyarakat tempatan. Situasi ini secara tidak langsung menyebabkan masyarakat luar mempunyai hubungan yang kukuh dalam kalangan penduduk asal kampung. Dalam proses komunikasi yang berlangsung antara masyarakat luar dan masyarakat setempat pastinya wujud pertembungan dialek. Justeru, pertembungan dialek ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan dari segi leksikal dan juga fonologi. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah migrasi masyarakat ke Lenga, Gombang dan Bukit Kepong ini membuktikan bahawa kawasan-kawasan ini mempunyai penutur dialek Melayu, iaitu dialek Lenga, dialek Gombang dan dialek Bukit Kepong.

Kesimpulan

Kepelbagaian varian ini telah membentuk satu pemetaan yang khusus kepada lingkungan persempadanan kawasan-kawasan tersebut. Situasi ini menunjukkan bahawa wujudnya kepelbagaian leksikal bagi dialek di ketiga-tiga lokasi kajian ini. Seterusnya, pengkaji juga telah menghuraikan dapatan kajian berhubung faktor penyebaran leksikal dialek Melayu antara ketiga-tiga kawasan terbabit. Faktor-faktor penyebaran varian ini jelas menunjukkan bahawa sememangnya wujud kerencaman subdialek menerusi satu susur sungai yang sama, iaitu Sungai Muar yang mengalir bersama leksikal dialek ke persisiran Sungai Lenga, Sungai Gombang dan Sungai Bukit Kepong. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati terdapat banyak persamaan dan perbezaan varian leksikal dialek Melayu menerusi persisiran Sungai Muar di antara Sungai Lenga, Sungai Gombang dan Sungai Bukit Kepong.

Senario ini secara tidak langsung menjadikan Muar sebagai salah satu daerah yang unik dan kaya dengan nilai estetikanya yang tersendiri. Pengkaji percaya bahawa kajian yang dijalankan ini memberi impak yang positif kepada semua masyarakat secara keseluruhannya. Dengan adanya kajian ini, masyarakat dunia memperoleh pendedahan tentang subdialek yang sememangnya bukanlah satu fenomena yang asing lagi dalam kehidupan kini. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap masyarakat pastinya menggunakan loghat mereka sendiri, sama ada secara sedar mahupun tidak sedar. Pelaksanaan kajian ini berkepentingan agar masyarakat dunia dapat memahami konteks ujaran sesuatu dialek itu kerana dialek bukan milik sesuatu bangsa, tetapi milik mereka yang mempelajarinya. Kajian ini boleh dikatakan kajian rintis yang melihat kepada kewujudan subdialek Muar. Konklusinya, pengkaji berharap agar kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji akan datang dalam membuat penambahbaikan terhadap kekurangan serta kelompangan yang terdapat dalam kajian ini.

Rujukan

- Adi Yasran Abd. Aziz. (2011). *Perbandingan aspek fonologi dialek Muar dan Melaka Berdasarkan Teori Transformasi Generatif*. Universiti Putra Malaysia.
- Asmah Omar. (1985). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2015). *Susur Galur bahasa Melayu* (Edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1999). *Wibawa bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Amir Imran. (2019). Variasi leksikal dialek Melayu di negeri Kedah: Kajian geolinguistik. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 16-29.
- Hazali Mohd Amir. (April 9, 2022). *Faktor penyebaran leksikal dialek Melayu di Bukit Kepong*. [Temu bual].
- Ismail Hussein. (1973). The Malay dialects in the Malay Peninsula. *Nusantara* 3, 69-79.
- Khairul Ashraaf, Harishon Radzi, Nor Hashimah, Junaini Kasdan & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2019). *Sebaran leksikal “ular” di Negeri Johor berdasarkan pengaplikasian Sistem Maklumat Geografi (GIS)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malik Munip. (1972). Sejarah perkembangan penduduk rumpun Melayu Muar. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 2, 47-34.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa, Siti Noraini & Hayati Lateh. (2019). Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu Kajian perbandingan berasaskan *Geographic Information System (GIS)*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(1), 77–96.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi & Fazal Mohamed. (2020). Migrasi dan Lanskap Baharu Dialek di Johor. *Akademika*, 90(3), 147-161.

- Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah & Khairul Ashraaf Saari. (2021). The Continuum of Terengganu Dialect Along the East Coast Malaysia: A Geolinguistic Study. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 6(1), 176-198.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, & Norlisafina Sanit. (2016). Variasi Kata Ganti Nama dialek di pesisir Perak: Analisis geographical information system (GIS). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(1), 109-123.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyebaran dialek Patani di Perak: Analisis geolinguistik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 310-330.
- Norliah Abdullah & Jaafar Jambi. (2017). Pusat-Pusat Pemerintahan Kesultanan Melayu Johor Membina Penempatan Awal Orang Melayu di sepanjang Sungai Johor. *Jurnal Peradaban*, 10, 38-61.
- Nur Diyana Mohd Adzhar. (2019). *Subdialek Johor: Revisi berasaskan Sistem Maklumat Geografi (GIS)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Hidayah Abd Rahman. (2021). *The Muara: A Living River Lab in Muar*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Roshidah Ahmad. (April, 1 2022). *Faktor penyebaran leksikal dialek Melayu di Gombang*. [Temu bual].
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Kepelbagaian varian leksikal dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System. *Akademika*, 88(1), 137-152.
- Trudgill, P. (1990). *Bad language*. Penguin Books.
- Zalina Mohd Zalzali. (2003). *Dialek Terengganu di sekitar kawasan Pantai Mukim Rusila, Daerah Marang: Satu kajian kes*. Universiti Malaya.